

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17/12/2007

## Abdullah janji terus adil kepada semua kaum

UM -  
17/12/2007

KEPALA BATAS 16 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berjanji akan terus bersikap adil terhadap rakyat negara ini yang berbilang kaum bagi memastikan Malaysia kekal makmur, selamat dan maju.

Sambil memberi jaminan yang beliau tidak akan mengecewakan mana-mana kaum sepanjang kepimpinannya menerajui kerajaan, Perdana Menteri mengajak seluruh rakyat bersama-sama mencapai hasrat itu.

"Ini merupakan tanggungjawab kita bersama untuk memastikan negara ini terus berada dalam keadaan harmoni, saling menghormati antara satu sama lain dan bukan membuat tuduhan liar terhadap pihak lain.

"Saya mahu kita terus bekerjasama dan hidup bersama sebagai rakyat Malaysia yang aman, selamat dan tiada gangguan," katanya semasa mengadakan pertemuan dengan masyarakat India di sini hari ini.

Pada pertemuan itu, beliau bercakap dari hati ke hati dengan wakil-wakil kaum India tentang pentingnya perpaduan antara kaum untuk memastikan kemajuan negara tidak tergendala dan semua kaum menikmati kemajuan yang sama.

Dalam pada itu, Abdullah yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas mengakui walaupun banyak yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat hidup dalam keadaan selesa, namun masalah akan sentiasa wujud dari semasa ke semasa.

Justeru tegas Perdana Menteri, sebarang isu dan masalah yang berbangkit memerlukan perhatian dan tindakan bersama untuk menanganinya.

"Masalah akan sentiasa ada tetapi kita berusaha mengatasinya. Berilah kami peluang untuk membangunkan negara ini

dan jangan melakukan sesuatu yang boleh mengganggu usaha ini," ujarnya.

Beliau turut mengambil peluang itu untuk menjelaskan tindakan kerajaan menahan individu-individu yang cuba menimbulkan kekacauan dan tindakan undang-undang tidak pernah memilih warna kulit atau agama.

"Saya harap semua faham bahawa yang salah tetap salah dan undang-undang itu tidak mengenal warna kerana yang jahat tetap akan dihukum," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, sejarah negara belum pernah mencatatkan pertelingkahan antara kaum Melayu dan India berpunca daripada agama melainkan perkara-perkara kecil yang tidak perlu diperbesar.

"Saya tidak akan memusuhi kaum India kerana di kalangan anda ada kawan-kawan baik saya. Bagaimana saya tergamak untuk melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap mereka kerana mereka adalah kawan.

"Dalam sejarah politik saya tidak pernah memusuhi mana-mana kaum dan agama di negara ini," katanya.

Beliau juga meminta semua kaum di negara ini tidak menyebarkan rasa kebencian antara satu sama lain dan menimbulkan kemarahan atau perasaan tidak senang hati sesama mereka.

"Kita tidak boleh menggunakan alasan yang tidak masuk akal atau bukan-bukan yang boleh menimbulkan kemarahan orang lain atau rasa tidak senang hati pada orang lain.

"Tugas saya bukan setakat menjaga ekonomi negara supaya makmur, malahan memastikan keamanan dan ketenteraman awam dipelihara," tambahnya.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA